

181 penduduk dipindah ke Dewan Orang Ramai Kampung Ayer Hitam

Hilir Perak dilanda banjir

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusanperak@utusan.com.my

TELUK INTAN 5 Nov. - Hujan selama hampir 11 jam sejak petang semalam menyebabkan beberapa perkampungan sekitar daerah Hilir Perak dinaiki air awal pagi ini sehingga memaksa 181 penduduk berpindah ke pusat penempatan sementara.

Antara kawasan yang dinaiki air termasuklah Sungai Manik, Labu Kubong, Chenderong Balai, Langkap, Kampung Ayer Hitam, Kampung SC, Kampung Kayu Ara dan Kampung Tengah dekat sini.

Sebahagian daripada penduduk perkampungan terbabit dipindahkan lewat malam tadi ekoran paras air naik mencecah lebih satu meter manakala selebihnya berpindah pagi ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Manik, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin memberitahu, sejak ini, 181 penduduk termasuk 34 kanak-kanak daripada 51 buah keluarga telah dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Ayer Hitam.

Beliau berkata, walaupun cuaca beransur baik, penduduk terlibat dinasihatkan supaya terus tinggal di pusat penempatan banjir sementara menunggu air surut sepenuhnya.

“Kita sedang memantau jika masih ada keluarga yang perlu dipindahkan kerana keadaan cuaca masih tidak menentu,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Zainol Fadzi yang juga Pengerusi Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri memberitahu, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Pejabat Daerah Teluk Intan dan polis sudah digerakkan bagi membantu mangsa banjir.

Sementara itu, mangsa banjir di Kampung Kayu Ara, Kharul Zaman, 62, berkata, keluarganya berpindah ke pusat penempatan banjir awal pagi ini selepas rumah mereka dinaiki air sehingga 1.5 meter.

“Kami hanya sempat menyelamatkan beberapa barang penting manakala perabot dan barangan elektrik banyak yang rosak kerana tenggelami air,” katanya.

Kharul memberitahu, walaupun kerja-kerja mendalamkan parit dan longkang di kawasan itu pernah dilakukan sebelum ini namun masih belum mampu menghalang limpahan air sungai berhampiran.

Seorang lagi mangsa banjir, Din Abdullah, 49, pula memberitahu, terdapat banyak longgokan sampah di Sungai Suli dan Sungai Kampung Tengah, dekat sini yang menyebabkan air melimpah dengan cepat ketika hujan lebat.



PENDUDUK di beberapa buah kampung di Hilir Perak terpaksa menggunakan bot untuk menjalankan urusan harian setelah banjir melanda kawasan mereka semalam.